



## KESEPADUAN FALSAFAH SAINS AL-QUR'AN DALAM KURIKULUM SEKOLAH RENDAH SEBAGAI ASAS PEMBENTUKAN MASYARAKAT HADHARI DI MALAYSIA

(The Integration of Science Qur'anik Philosophy in the Primary School Curriculum as a Basic Development of Hadhari Community in Malaysia)

YAHAYA BIN JUSOH\*  
AZHAR BIN MUHAMMAD

Pusat Pengajaran Islam & Pembangunan Sosial, Fakulti Tamadun Islam,  
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia

### ABSTRAK

*Masyarakat hadhari dapat dibentuk dalam masyarakat Malaysia melalui sistem pendidikan formal. Pendekatan yang menggunakan falsafah sains al-Qur'an dengan menggabungkan sains sosial dan sains tabii dengan ilmu ketuhanan dalam kurikulum sekolah rendah lagi akan dapat merealisasikan kemantapan masyarakat ini. Walaupun begitu, tidak dapat dinafikan dalam arus kebangkitan sains moden dalam era globalisasi menyebabkan prinsip pemikiran falsafah sains al-Qur'an dipinggirkan. Pengajaran sains sosial dan sains tabii mula dipisahkan daripada ilmu ketuhanan yang lebih mengarahkan kepada unsur-unsur materialistik berbanding unsur-unsur spiritual. Melalui reformasi perubahan kurikulum kebangsaan, murid-murid sekolah rendah sebagai generasi baru akan dibentuk berasaskan pemikiran falsafah sains al-Qur'an yang mengarah kepada kewujudan masyarakat hadhari. Kertas kerja ini akan memperlihatkan kepentingan falsafah ini dalam sistem pendidikan negara khususnya di peringkat KBSR yang menjadi asas kepada pembentukan masyarakat hadhari.*

**Kata Kunci:** masyarakat hadhari, falsafah sains al-Qur'an, sistem pendidikan, kurikulum kebangsaan.

### ABSTRACT

*The civilizational (hадhari) community could be shaped in the Malaysian community through a formal education system. The approach which uses Qur'anic science philosophy combines social science and natural science with theological knowledge in the primary school curriculum could also realize*

\*Corresponding Author: Yahaya Bin Jusoh Azhar Bin Muhammad, Pusat Pengajaran Islam & Pembangunan Sosial, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai, Johor, Malaysia, Email : dryahaya@utm.my

Diserahkan: 23 Disember 2009

Diterima: 3 Mac 2010

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2010-0201-02>

*and establish this community. It is undeniable with the emergence of modern science in the era of globalization causes the principle thinking of Qur'anic science philosophy to be isolated. The teachings of social science and natural science started to be separated from theological knowledge of which is more to the direction of materialistic elements compared to spiritual elements. Through reforming the national curriculum, primary school students, as the new generation, will form the foundation of thought in Qur'anic science philosophy which focuses on the existence of a civilizational community. This paper work will present the importance of this philosophy in the national education system exclusively in the Integrated Curriculum for Primary Schools (KBSR) which is the foundation to create the civilizational community.*

**Keywords:** civilizational (hадhari) community, Qur'anic science philosophy, education system, national curriculum.

## PENDAHULUAN

Pendidikan adalah satu usaha yang akan merealisasikan pembentukan masyarakat hadhari seperti yang dikehendaki oleh pihak kerajaan. Beberapa tindakan dan perubahan kepada sistem pendidikan negara perlu dilakukan bagi merealisasikan hasrat dan matlamat ini. Faktor ini berasas kepada pembentukan masyarakat masa hadapan akan lahir daripada generasi yang terlatih dengan bentuk pendidikan masa kini. Sistem pendidikan yang berteraskan kepada falsafah sains al-Qur'an adalah satu sistem yang menjurus kepada pembentukan masyarakat yang diharap-harapkan oleh pucuk pimpinan negara. Sistem yang dimaksudkan ini menggunakan pendekatan falsafah sains al-Qur'an yang menggabungkan sains sosial dan sains tabii dengan ilmu ketuhanan dalam kurikulum. Pendekatan ini perlu diterapkan dalam kurikulum bermula di peringkat rendah lagi dalam usaha memantapkan lagi kelahiran masyarakat yang akan memartabatkan keilmuan dan hadharah yang berteraskan kepada Islam. Usaha ini juga sebagai menyokong arus kebangkitan pengislamisasi ilmu (*Islamization of knowledge*) di kalangan sarjana Islam di seluruh dunia termasuk Malaysia. Pengislamisasi ilmu ini merupakan suatu pendekatan yang akan menggarap prinsip pemikiran falsafah sains al-Qur'an dalam kurikulum pendidikan negara sebagai kesinambungan ke arah mewujudkan masyarakat hadhari yang memahami, menghayati dan membangunkan ilmu secara menyeluruh bersepadu.

## PENGERTIAN FALSAFAH SAINS AL-QUR'AN

Sains (*science*) membawa maksud mendapat sesuatu ilmu. Perkataan sains atau '*ilm*' dalam bahasa Arab diulang dalam al-Qur'an sebanyak 811 kali dalam pelbagai bentuk dan variasi penggunaannya (Abd. Baqi' t.th). Contoh penggunaannya dapat dilihat apabila Allah mengajar Nabi Adam a.s. semua nama benda di dunia:

*Dan Dia mengajarkan Adam nama-nama (benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu memang orang-orang yang benar!".*

(al-Baqarah 2:31)

Al-Qur'an adalah kitab Allah yang menjelaskan setiap sesuatu ilmu kepada manusia:

*"Sesungguhnya pada kisah-kisah mereka itu terdapat pengajaran bagi orang-orang yang mempunyai akal. Al-Qur'an bukanlah cerita yang dibuat-buat, akan tetapi membentarkan (kitab-kitab) yang sebelumnya dan menjelaskan segala sesuatu, dan sebagai petunjuk dan rahmat bagi kaum yang beriman".*

(Yusuf 12:111)

Oleh itu, pemikiran sains al-Qur'an secara spesifiknya mengkaji hakikat kebenaran ilmu (*science*) secara ilmiah berdasarkan petunjuk al-Qur'an. Di samping itu, sains al-Qur'an juga memperkuat dan menjelaskan sesuatu fakta hujahnya dengan merujuk pada hadis nabi, ahli fikir Islam, saintis Islam dan bukan Islam. Sesuatu pendapat boleh diterima sekiranya tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan hadis. Sebaliknya, sesuatu pendapat itu tidak akan diterima sekiranya bertentangan dengan al-Qur'an dan hadis.

Kajian falsafah iaitu suatu kajian yang dilakukan secara teliti dan rasional atau logik tentang sesuatu hakikat kebenaran. Kajian falsafah juga memperoleh ilmu melalui kajian empirik, pembelajaran rasional yang menjadikan sesuatu fakta itu berbentuk umum. Mengikut pengertian kajian falsafah, falsafah sains al-Qur'an ialah pengkajian mengenai ilmu mencintai kebijaksanaan atau kebenaran al-Qur'an. Kajian ini menjelaskan bagaimana al-Qur'an berbicara tentang falsafah sains yang dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: ilmu tawhid (*divine science*), sains sosial dan sains tabii. Banyak ayat al-Qur'an yang menjelaskan tentang *kawniyyah* (*kosmology*) iaitu ayat-ayat yang menerangkan *sunnatullah* atau peraturan alam yang disebut dengan sains tabii termasuk mengenai alam manusia, alam haiwan, alam tumbuhan, perlombongan, dan cakerawala yang dikaitkan dengan ilmu ketuhanan iaitu ilmu mentawhidkan Allah. Al-Qur'an juga mengandungi prinsip sains sosial dikaitkan dengan ilmu ketuhanan. Dengan itu, sains tabii dan sains sosial diasas kepada paradigma tawhid yang mengagungkan Allah. Integrasi semua bentuk sains ini diaplikasikan dalam kehidupan untuk membina suatu pencapaian yang bercirikan *rabbaniyyah* (Allah sebagai Pentadbir), *insaniyyah* (kemanusiaan), *duniawiyyah* (kebendaan) dan *syamilah* (sempurna).

Konsep tawhid dalam Islam berteras kepada kalimah "*Tiada Tuhan melainkan Allah*" merupakan rujukan asas setiap bidang ilmu yang saling

melengkapi antara satu sama lain. Melalui al-Qur'an yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w, Allah mengajar manusia peraturan-peraturan untuk hidup secara individu dan bermasyarakat. Di samping pancaindera, manusia dikurniakan akal yang mempunyai daya berfikir yang dapat memahami sesuatu yang di luar jangkauan pancaindera manusiawi. Umumnya, ahli falsafah Islam membahagikan ilmu kepada dua iaitu ilmu tanzil/*naqli* yang berteras kepada wahyu dan ilmu pengetahuan/*aqli*. Ilmu tanzil ialah ilmu yang diberikan kepada para Rasul untuk disampaikan kepada umat mereka. Ilmu ini mengandungi petunjuk untuk manusia ke jalan Allah. Manakala ilmu pengetahuan ialah ilmu mengenai diri manusia, alam hakiki dan Tuhan Pencipta alam semesta. Ilmu pengetahuan ini diperoleh oleh manusia melalui pengalaman hidup secara jasmani dan fikiran serta pemerhatian, penyelidikan dan pengkajian.

Ilmu tanzil diwajibkan kepada setiap orang Islam untuk mempelajarinya kerana ia merupakan pedoman hidup dan neraca dalam segala penilaian. Sains berasaskan wahyu iaitu sains al-Qur'an menjadikan matlamat penyelidikan ke arah keputusan yang menunjukkan tanda keesaan Allah, Pencipta segala hukum fizik atau sistem kosmos. Mereka yang dipandukan oleh wahyu sahaja yang mampu melihat kenyataan di luar alam kebendaan ini. Allah berfirman dalam Surah Al 'Imran yang bermaksud:

*"Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal iaitu orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka".*

(Al 'Imran 3: 190-191)

Tujuan pendidikan Islam adalah memupuk keimanan terhadap kebenaran dan kebesaran Allah. Jadi semua fakta dan penemuan ahli sains Islam ditafsirkan mengikut ketentuan ilmu al-Qur'an. Sains al-Qur'an dengan falsafah keEsaan Allah mentafsirkan kesempurnaan manusia dicapai melalui kesempurnaan iman iaitu betapa berupaya dirinya mentaati peraturan Allah. Falsafah sains al-Qur'an ini meletakkan sains bertujuan membantu manusia ke arah kesempurnaan iman manusia. Al-Qur'an mengajar manusia untuk menggunakan fikirannya mempelajari dan memperhatikan alam dan peraturan-peraturannya dengan maksud untuk mengetahui rahsia keagungan dan kebesaran Allah sebagai Pencipta alam semesta.

Pada dasarnya, falsafah sains al-Qur'an mempunyai kesepaduan antara kategori utama ilmu iaitu ilmu ketuhanan, ilmu sosial dan ilmu sains tabii yang berteraskan prinsip al-Qur'an yang menjadikan ilmu ketuhanan sebagai landasan kebebasan berfikir untuk pembangunan ilmu sosial dan ilmu sains

tabii bagi memastikan manusia ke arah mentaati peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Allah s.w.t. Dengan itu, pencapaian sains dan teknologi dapat mendekatkan diri manusia dengan Pencipta.

## **PERKEMBANGAN SAINS AL-QUR'AN DAN PROSES ISLAMISASI**

Kegemilangan umat Islam bermula pada era pemerintahan Islam di Madinah dan berkembang pesat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umayyah dan Bani Abbasiyyah. Zaman kecemerlangan dan kegemilangan ketamadunan al-Qur'an telah mencapai ke kemuncaknya pada abad ke-9 dengan kebangkitan Islam di ibu kota besar seperti Baghdad, Kaherah hingga ke benua Eropah seperti Andalus (Sepanyol) dan lain-lain. Kegemilangan ini hasil daripada penggabungan ilmu sains dengan prinsip pemikiran falsafah sains al-Qur'an di samping ketamadunan lain seperti Mesir, Yunani, Parsi, Cina, India dan Alam Melayu yang disebut dengan pengislamasian ilmu.

Pengislamasian ilmu berlandaskan prinsip falsafah sains al-Qur'an secara menyeluruh dalam semua bidang ilmu berjaya dicapai oleh umat Islam. Mereka dapat mengaplikasikan sains dan teknologi untuk memenuhi keperluan hidup sama ada keperluan *dharuriyyat*, *hajiyat* atau *tahsinyyat* dalam konteks keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t. Proses ini membawa kepada ketamadunan Islam yang lebih berbentuk universal yang membawa manfaat dan rahmat kepada seluruh umat di dunia ini. Teori-teori sains dan teknologi yang berlandaskan prinsip al-Qur'an telah mendorong pencapaian tamadun al-Qur'an. Ini terbukti sebagai pencapaian daripada usaha untuk memartabatkan al-Qur'an sebagai cara hidup atau *al-din* yang menjamin kesejahteraan hidup manusia bukan saja di dunia malahan di akhirat. Teori-teori baru yang diterokai oleh ahli-ahli sains Islam seperti Ibn Sina dalam bidang perubatan, Ibnu al-Haitham dalam bidang fizik dan optik, al-Jahiz dalam bidang biologi, al-Jabir dalam bidang kimia, Ibnu Yunus dalam bidang astronomi dan al-Biruni dalam bidang kejuruteraan kemudiannya telah dijadikan rujukan kepada penyelidikan-penyeleidan selepas zaman kegemilangan Islam yang menjadi asas kepada ketamadunan Barat dan Eropah hingga ke hari ini.

## **PERTEMBUNGAN SAINS AL-QUR'AN DENGAN SAINS MODEN**

Sejarah telah membuktikan implikasi daripada mengenetepikan prinsip pemikiran sains al-Qur'an pada zaman pertengahan tamadun al-Qur'an menyebabkan tamadun menjadi merosot. Pada zaman ini umat Islam telah mengabaikan aplikasi prinsip al-Qur'an dalam pengajaran dan pembelajaran sains tabii serta sains sosial. Kefahaman tidak mementingkan kemajuan dunia dengan hanya mementingkan kehidupan akhirat menyebabkan umat Islam menumpukan banyak perhatian kepada ilmu ketuhanan. Perkembangan kefahaman Islam yang tidak komprehensif ini telah memberikan kesan negatif terhadap tamadun Islam pada zaman pertengahannya. Umat Islam juga tidak

memberi perhatian dan tumpuan untuk mengabungkan ilmu ketuhanan dengan sains tabii dan sains sosial.

Konsep pendidikan yang memisahkan ilmu-ilmu ini menyebabkan aplikasi sains tabii dan sains sosial tidak didasari oleh ilmu ketuhanan. Sebaliknya Barat pula mengambil dan mengembang teori sains yang diasaskan oleh ahli-ahli sains Islam untuk membina tamadun Barat. Pemikiran ahli sains Islam zaman kegemilangan tamadun al-Qur'an ditiru oleh Barat hanya dari segi keduniaan yang bersifat materialistik dengan meninggalkannya dari segi akhirat. Manakala orang Islam pula, kerana tidak mempunyai kefahaman al-Qur'an yang komprehensif, tidak dapat mengimbangkan dunia dengan akhirat. Kefahaman Islam disempitkan dengan hanya mengutamakan ibadat khusus dan membelakangkan kewajiban ibadat umum dalam bidang sains. Akibatnya umat Islam menghadapi zaman kemerosotan tamadun al-Qur'an.

Kemudian umat Islam menghadapi zaman moden (sejak 1800M) disebut zaman kebangkitan dan pembangunan Islam. Umat Islam pada zaman ini giat membangunkan bidang sains dan teknologi dengan mengkaji dan menerapkan prinsip pemikiran al-Qur'an. Mereka ingin mengembalikan tamadun al-Qur'an yang dicapai oleh umat Islam pada zaman kecemerlangan. Umat Islam mula berusaha menguasai ilmu sains dan teknologi baik dari Barat ataupun Timur. Pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi cuba dikembalikan melalui pendekatan yang berlandaskan dengan prinsip pemikiran al-Qur'an. Sejarah telah mengajar umat Islam pentingnya mengaplikasikan ilmu sains dengan prinsip pemikiran al-Qur'an. Sejauh mana tamadun al-Qur'an dapat dibina masih menjadi persoalan yang berkait rapat dengan tahap pencapaian pengislamisasian dan penghayatan ilmu sains dan teknologi yang didasar kepada integrasi prinsip sains tabii, prinsip sains sosial dan prinsip tawhid al-Qur'an.

Ahli sains Barat mendefinisikan sains sebagai kaedah untuk mencapai kebenaran mutlak melalui penyelidikan empirikal dengan data yang dikumpulkan melalui panca indera. Dengan kata lain, kaedah sains moden merupakan percubaan mencari kebenaran melalui jalan-jalan rasional. Sains moden juga disebut sebagai suatu disiplin yang menilai sesuatu tinjauan dan maklumat secara objektif, bukan secara subjektif seperti secara intuisi (gerak hati, sangkaan atau emosi).

Sains yang dipelajari oleh Barat daripada ketamadunan Islam telah memasukkan fahaman rasionalisme yang menolak fahaman agama. Tindakan ini melahirkan sekularisme dalam sains iaitu memisahkan sains dengan agama atau memisahkan alam kejasmanian dengan alam kerohanian yang jelas bertentangan dengan fahaman Islam dalam mengintegrasikan rasionalisme dengan agama.

Begitu juga dengan sains moden yang berlandaskan fahaman materialisme bertujuan hanya untuk mencapai kemajuan dan kesempurnaan hidup manusia. Dari pandangan materialisme pembangunan dihadkan semata-mata kepada pembangunan kebendaan yang menjadikan sains dan teknologi berperanan mengubah alam sekitar melalui pencapaian berupa kebendaan dan manusia menjadi selesa dan maju melalui keselesaan persekitarannya. Ini bertentangan dengan konsep al-Qur'an yang melihat faktor utama perubahan sosial Islam ialah manusia itu sendiri dan bukan sahaja persekitarannya. Firman Allah s.w.t:

*“Bagi manusia ada malaikat yang selalu mengikutinya bergiliran, di muka dan di belakangnya, mereka menjaganya atas perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri. Apabila Allah menghendaki keburukan terhadap sesuatu kaum, maka tidak ada yang dapat menolaknya; dan sekali-kali tak ada pelindung bagi mereka selain Dia”.*

(al-Ra'd 13:11)

Fahaman materialisme bertentangan dengan Islam kerana materialisme berpegang pada teori determinisme yang menganggap manusia tidak mempunyai kebebasan memilih kerana setiap sesuatu telah ditentukan oleh kuasa tabii. Manakala Islam menyatakan manusia mampu membuat pemilihan tetapi pemilihan itu hendaklah berpandukan ajaran al-Qur'an iaitu tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Allah. Disebabkan manusia menentukan pemilihannya, maka ia dianggap bertanggungjawab atas perbuatannya. Islam tidak mendasarkan pencapaian kebendaan manusia untuk menilai baik dan buruk sesuatu perbuatan tetapi melihat betapa hampir dirinya kepada Allah.

## **KESEPADUAN ILMU KETUHANAN, SAINS SOSIAL DAN SAINS TABII DALAM AL-QUR'AN**

Ilmu mengikut falsafah sains al-Qur'an yang telah dihuraikan sebelum ini terbahagi kepada tiga iaitu ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii. Pembahagian ilmu ini dapat didasarkan kepada kandungan al-Qur'an yang dapat juga dibahagikan kepada kategori ilmu ini. Pentafsiran yang mampu mengupas pengertian prinsip al-Qur'an serta menampakkan aplikasinya secara positif dengan isu-isu kehidupan mengikut peredaran zaman akan menghidupkan ilmu al-Qur'an sebagai pedoman dalam kehidupan untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat. Penggunaan dan aplikasi yang bertepatan dengan persoalan kehidupan menghasilkan inovasi dalam penciptaan dan penemuan sains dan teknologi yang seterusnya membina satu pencapaian.

Sebanyak 86 surah Makkiyah dan 28 surah Madaniyyah dalam al-Qur'an yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. boleh dibahagikan kepada ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii. Ilmu ketuhanan yang disepadukan dengan kedua-dua sains itu akan menjadi dasar dan matlamat kepada pengembangan ilmu sosial dan ilmu sains tabii. Banyak ayat al-Qur'an yang menerangkan fenomena sosial atau fenomena tabii dalam konteks ketentuan kuasa Allah. Berikut dinyatakan contoh ayat-ayat yang menunjukkan wujud kesepaduan ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii dalam persoalan kehidupan dalam pelbagai bidang. Allah berfirman dalam al-Qur'an yang bermaksud:

*“Dan sesungguhnya telah Kami berikan kepada Daud kurniaan daripada Kami. (Kami berfirman): Wahai gunung-gunung dan burung-burung, bertasbihlah berulang-ulang bersama Daud, dan Kami telah lunakkan besi untuknya, iaitu buatlah baju besi yang besar-besar dan ukurlah anyamannya; dan kerjakanlah amalan yang saleh, sesungguhnya Aku melihat apa yang kamu kerjakan”.*

(Saba' 34:10-11)

Ayat ini menerangkan kejadian sumber alam iaitu besi (salah satu unsur sains tabii) dapat diproses dengan ilmu sains dan teknologi menjadi bahan untuk membuat pelbagai peralatan yang dimanfaatkan untuk keperluan manusia (unsur sains sosial). Seterusnya Allah s.w.t. menyeru agar manusia mengerjakan amalan yang saleh dan peringatan bahawa Allah melihat segala amalan manusia (unsur ilmu ketuhanan). Kesepaduan ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii dapat dilihat melalui peringatan Allah kepada manusia supaya memastikan kurniaan-Nya dimanfaatkan mengikut peraturan yang ditentukan oleh hukum-Nya sama ada secara individu atau bermasyarakat. Pelanggaran kepada seruan ini bererti manusia akan menerima balasan buruk yang berupa kesan negatif kepada kehidupan dan balasan buruk di akhirat.

Firman Allah s.w.t dalam surah lain yang bermaksud:

*“Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya bahawa Dia mengirimkan angin sebagai membawa berita gembira (awan tebal yang dibawa oleh angin lalu menurunkan hujan) dan untuk merasakan kepada mu sebahagian daripada rahmat-Nya dan supaya kapal dapat berlayar dengan perintah-Nya dan supaya kamu dapat mencari kurniaan-Nya, mudah-mudahan kamu bersyukur”.*

(al-Rum 30: 46)

Ayat ini pula menerangkan bahawa Allah telah menjadikan lautan (unsur sains tabii) sebagai satu jaringan perhubungan yang menghubungkan antara satu tempat dengan tempat yang lain dan melaluiinya juga manusia dapat

mencari rezeki (unsur sains sosial). Ayat ini juga menyeru manusia mensyukuri nikmat-Nya (unsur ilmu ketuhanan). Kesepaduan ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii dapat diperhatikan bahwa Allah mengisyaratkan agar manusia menggunakan ilmu pelayaran (unsur sains tabii) agar dengannya mereka dapat berlayar dan melaksanakan usaha perikanan, perdagangan atau pelancongan (unsur sains sosial), di samping mensyukuri kurniaan Allah dalam perkara yang membawa kebaikan bagi mendapat keredaan Allah (unsur ilmu ketuhanan). Ayat ini menunjukkan keimanan (unsur ilmu ketuhanan) yang dapat memelihara seseorang daripada sifat tidak jujur seperti menipu dengan mengurangi sukatan dan timbangan (unsur sains sosial). Kesepaduan ilmu ketuhanan dan sains sosial dilihat iaitu orang yang beriman menyedari bahawa menipu dalam perniagaan adalah memakan harta dengan cara batil akan menyebabkannya dimasukkan ke dalam golongan orang yang rugi.

Dalam ayat lain, Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

*"Dia menumbuhkan bagimu, dengan air hujan itu, tanam-tanaman, zaitun, kurma, anggur dan segala macam buah-buahan; sesungguhnya pada segala macam buah-buahan yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah bagi mereka yang mahu berfikir. Dia menundukkan malam dan siang, matahari dan bulan untuk orang yang mahu berfikir; dan bintang-bintang itu ditundukkan (bagimu) dengan perintah-Nya; sebenarnya pada yang demikian itu terdapat kebesaran Allah bagi kaum yang berakal".*

(al-Nahl 16: 11-12)

Ayat ini menerangkan hakikat tentang kurniaan Allah yang menurunkan air hujan dan menyuburkan tanah yang boleh menghidupkan tanaman (unsur sains tabii). Diterangkan jenis buah-buahan yang dapat dinikmati oleh manusia (unsur sains sosial). Allah menegaskan bahawa semua ini menunjukkan kebesaran Allah bagi orang berfikir iaitu mereka yang merenung, memerhati dan menyelidiki (unsur ilmu ketuhanan). Manusia yang menjalankan penyelidikan akan dapat memahami peraturan alam sebagai tanda kebesaran Allah dilihat sebagai kesepaduan ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii. Dengan itu menggunakan ilmu tentang alam kesuburan tanah untuk pertanian dapat menghasilkan keuntungan pada dirinya dalam bentuk hasil pertanian yang membekalkan zat untuk pertumbuhan dan kesihatan tubuh badan manusia di samping dapat pula menjadi sumber pencarian kehidupan.

## **PEMBENTUKAN MASYARAKAT HADHARI MELALUI KESEPADUAN SAINS DALAM KURIKULUM PENDIDIKAN**

Fahaman rasionalisme yang menolak fahaman agama telah melahirkan sekularisme dalam sains iaitu memisahkan sains dengan teologi. Fahaman ini telah mempengaruhi sistem kurikulum pendidikan negara kita Malaysia melalui pengaruh kolonialisme. Fahaman ini jelas bertentangan dengan Islam yang menyeraskan dan meletakkan rasionalisme di bawah penguasaan dan fahaman agama.

Berdasarkan fahaman ini, sains akan berlandaskan fahaman materialisme yang bertujuan mencapai kemajuan dan kesempurnaan hidup manusia. Berasaskan pandangan materialisme, pembangunan dihadkan semata-mata kepada pembangunan kebendaan yang menjadikan sains dan teknologi berperanan mengubah alam sekitar melalui pencapaian berupa kebendaan dan manusia menjadi selesa dan maju melalui keselesaan persekitarannya. Pengajaran sains sosial dan sains tabii mula dipisahkan daripada ilmu ketuhanan yang lebih mengarahkan kepada keduniaan yang bersifat materialistik dengan meninggalkan akhirat dan unsur-unsur spiritual.

Walaupun demikian, gerakan ke arah mengintegrasikan kembali jarak pemisahan ini telah berkembang di seluruh dunia termasuk Malaysia. Langkah perubahan kurikulum pelajaran berdasar kepada falsafah sains al-Qur'an telah dilakukan terutama di negara-negara Islam dalam semua peringkat pendidikan khususnya peringkat rendah. Langkah ini diharap dapat memperbetul asas pemikiran sains kini kepada pemikiran falsafah sains al-Qur'an.

Kepimpinan negara telah mengorak langkah ke hadapan dengan memperkenalkan konsep Islam Hadhari yang antara lainnya bertujuan untuk mewujudkan satu masyarakat membangun yang mempunyai daya saing yang tinggi. Objektifnya ialah bagi melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan spiritual (rohani), akhlak, intelektual, material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, inovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan damai. Masyarakat hadhari yang diingini ialah masyarakat yang mengamalkan konsep sebenar ajaran Islam, dengan harapan akan dapat memacu pembangunan ummah dan negara. Pendekatan ini akan memberi penekanan kepada aspek pembangunan dan pembinaan peradaban yang didasar kepada pandangan semesta Islam (*Islamic worldview*).

Antara prinsip asas yang ditekankan oleh kerajaan dalam konsep ini ialah penguasaan ilmu pengetahuan. Proses ini perlu bagi melahirkan insan seimbang dan harmonis seperti yang terdapat dalam Falsafah Pendidikan Negara. Dalam

menghadapi cabaran globalisasi dan cabaran semasa, faktor ilmu bersepadan, kemajuan sains dan teknologi sewajarnya menjadi fokus bagi melahirkan sumber tenaga manusia yang bukan sahaja memiliki ilmu dan ketrampilan tetapi juga memiliki nilai-nilai murni yang sifatnya menyumbang terhadap pembangunan negara, bangsa dan manusia sejagat. Usaha penggalian dan penerokaan serta penemuan ilmu sains dan teknologi amat digalakkan dalam tradisi Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia 2005).

Proses kebangkitan ke arah mengintegrasikan ilmu-ilmu sains ini sebenarnya telah bermula semenjak beberapa dekad yang lalu apabila Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggubal kurikulum baru untuk sistem pendidikan negara. Usaha mengislamisasi ilmu sains dan teknologi ini juga telah mendapat sambutan daripada pelbagai pihak. Di peringkat pendidikan rendah dan menengah, KPM telah cuba menerapkan idea ini dan membendung sistem pendidikan yang masih mempunyai pengaruh dan unsur-unsur kolonial Barat.

Dasar pendidikan kebangsaan telah dibentuk, dan pelbagai langkah telah dibuat bagi menjayakan idea ini seperti penubuhan Sekolah Rendah Kebangsaan Agama (SMKA) dan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) serta Kurikulum Bersepadan Sekolah Menengah (KBSM) yang menekankan kesepaduan ilmu. Serentak dengan itu juga, kurikulum pendidikan Islam sentiasa mengalami perubahan bagi mengikuti arus perkembangan ini selari dengan tuntutan sains dan teknologi terkini. Murid-murid yang belajar di sekolah-sekolah agama tidak lagi didedahkan hanya dengan kurikulum agama sahaja, tetapi meliputi kesepaduan kurikulum mata pelajaran lain.

Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan konsep ini, kurikulum pendidikan terutama KBSR perlu melalui satu tahap reformasi secara menyeluruh bertujuan memberi peluang yang luas kepada guru untuk melaksanakannya secara formal. Perubahan kurikulum ini perlu dilihat secara positif bagi melahirkan para murid yang akan membentuk generasi hadhari pada masa hadapan. Usaha yang jitu perlu dilakukan melalui pembentukan kurikulum pelajaran yang berasaskan prinsip-prinsip al-Qur'an. Kurikulum dalam sesuatu bidang khusus yang berdasarkan prinsip al-Qur'an ialah kurikulum yang mengintegrasikan prinsip al-Qur'an dalam sukanan mata pelajaran dengan objektif untuk melahirkan ilmuwan yang beriman dan bertaqwah. Dalam kurikulum kebangsaan KBSR banyak mata pelajaran yang berteraskan sains ditawarkan sebagai satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh setiap murid. Mata pelajaran ini diajar dalam satu sukanan pelajaran yang sesuai dalam kepelbagaiannya tahap pengajaran. Semua tahap pembelajaran ini dilihat berpotensi untuk diterapkan nilai-nilai prinsip falsafah sains al-Qur'an.

Dalam merangka sukanan mata pelajaran sains, penstrukturkan kurikulum perlu ada gabungan antara ilmu ketuhanan, ilmu kemasyarakatan dan ilmu

alam. Contohnya prinsip al-Qur'an yang mendasari sesuatu teori tentang alam dimanfaatkan dalam masyarakat untuk menegakkan keadilan sosial. Pengaplikasiannya dalam masyarakat dapat meningkatkan keimanan murid sebagai saintis dengan membangkitkan kesedaran terhadap keesaan dan kebesaran Allah. Murid-murid ini akan dibangkitkan kesedaran bahawa mereka sebagai khalifah Allah yang memegang amanah ilmu yang dipelajari dan akan hanya menjadi hamba-Nya yang soleh apabila memenuhi tanggungjawab ilmu iaitu mengagungkan Allah dan memanfaatkan diri dan masyarakat kerana Allah s.w.t.

### **PELAKSANAAN FALSAFAH SAINS AL-QUR'AN DALAM KBSR**

KBSR mempunyai rasional bahawa pendidikan asas peringkat rendah mestilah menyeluruh dan seimbang antara perkembangan intelek, rohani dan jasmani secara menyeluruh yang melibatkan kemahiran-kemahiran tertentu. KBSR memberi peluang yang sama untuk memperoleh pengetahuan, kemahiran, sikap, nilai dan amalan-amalan lain melalui bimbingan dan motivasi untuk mengukuhkan penguasaan kemahiran-kemahiran asas tersebut. Murid-murid diberi peluang secukupnya mengembangkan sikap dan nilai dengan kreatif dalam bidang-bidang tertentu. Dengan kata lain, objektif KBSR dapat membantu murid membentuk sikap dan perlakuan mengikut nilai-nilai kemanusiaan yang dihargai oleh masyarakat. Oleh itu KBSR bertujuan memberi pengetahuan akademik di samping membentuk sifat-sifat sosial yang positif. Sebab itu kandungan KBSR menumpukan perhatian kepada tiga aspek utama dalam pengajaran iaitu komunikasi, manusia dan alam sekeliling serta perkembangan diri individu (Kamaruddin Hussin 1991).

Konsep kesepaduan dalam KBSR ini sebenarnya adalah asas kepada pengenalan kurikulum yang berdasarkan kepada falsafah sains al-Qur'an. Kejayaan pelaksanaan KBSR amat bergantung pada kaedah dan pendekatan yang dilakukan oleh guru dalam pengajaran mereka. Guru-guru yang mempunyai kemahiran dan kefahaman yang mendalam terhadap falsafah, rasional, sukanan pelajaran dan isi kurikulum dalam KBSR akan dapat membantu pelaksanaannya mengikut konsep kesepaduan berdasarkan falsafah sains Islam.

Pelaksanaannya boleh dibentuk berlandaskan prinsip al-Qur'an dengan pendekatan interdisiplin dan multidisiplin. Model ini mengintegrasikan tiga bidang utama sains iaitu ilmu ketuhanan, sosial dan sains tabii dengan mengaplikasi pendekatan interdisiplin dan multidisiplin. Intergrasi ini akan melahirkan suatu kurikulum sains dan teknologi yang komprehensif dari perspektif al-Qur'an. Pendekatan interdisiplin dan multidisiplin dapat juga digunakan untuk memantap teori dan konsep yang ingin dibincangkan dari pelbagai aspek kerana ilmu yang dikaji mempunyai gabungan atau dimensi dari bidang ilmu yang lainnya. Pendekatan interdisiplin mengaitkan kajian

antara dua disiplin ilmu yang diteraskan dengan paradigma tawhid. Manakala pendekatan multidisiplin mengaitkan lebih dua disiplin ilmu yang diteraskan dengan paradigma tawhid. Sama ada kesepaduan berlaku antara dua bidang (interdisiplin) atau tiga bidang (multidisiplin), ilmu ketuhanan tetap menjadi terasnya. Oleh itu, kesepaduan interdisiplin adalah antara ilmu ketuhanan dengan sains sosial dan ilmu ketuhanan dengan sains tabii. Kesepaduan multidisiplin adalah antara ilmu ketuhanan, sains sosial dan sains tabii. Ilmu ketuhanan menjadi teras dalam sains dan teknologi kerana tujuan pendidikan Islam untuk melahirkan insan yang beriman dan bertaqwa.

Dengan itu, untuk mencapai tujuan ini mesti ada perubahan kurikulum yang berdasarkan prinsip al-Qur'an dengan menggunakan kaedah falsafah sains al-Qur'an. Kalau tidak ada perubahan, maka guru memainkan peranan penting untuk menggunakan konsep ini dalam pengajaran mereka.

### **CONTOH PENERAPAN DALAM MATA PELAJARAN KBSR**

Mata pelajaran yang diajar peringkat KBSR meliputi subjek-subjek asas seperti Bahasa Melayu, English, Matematik, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan. Sukatan pelajarannya telah ditentukan oleh pihak KPM dengan berpandukan buku-buku teks yang disediakan oleh panel penulis dan biasanya buku-buku ini perlu dimiliki oleh setiap murid. Keseluruhan tajuk yang diajar dalam setiap bidang mata pelajaran ini amat sesuai khususnya dalam menyentuh bidang yang berkaitan. Walaupun demikian, isi kandungannya tidak memperlihatkan wujud kesinambungan yang mantap terhadap konsep kesepaduan ilmu yang berdasarkan falsafah sains al-Qur'an. Maka guru berkewajipan untuk memberikan aset tambahan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

Kandungan isi pelajaran seumpama ini hendaklah dijadikan sebagai satu ketetapan yang terkandung dalam sukanan bagi menjamin kelincinan pembelajaran dalam kelas. Walaupun tidak secara bertulis atau tidak dimasukkan dalam sukanan, guru-guru mata pelajaran (terutama yang beragama Islam) masih boleh menerapkan nilai-nilai ini dalam pengajaran mereka melalui kebijaksanaan mereka semasa memberi penjelasan. Dinyatakan bentuk dan ruang yang boleh digunakan oleh guru untuk mengajar subjek bagi Tahun 1 KBSR melalui konsep yang berasas kepada kesepaduan interdisiplin atau multidisiplin :

#### **Contoh dalam Bahasa Melayu**

Unit 1 di bawah tajuk: Diri Saya atau Kenali Saya (Zainal Arifin Yusof 2003) – tajuk ini boleh dikaitkan oleh guru tentang konsep *ta'aruf* dalam Islam. Ayat dari Surah al-Mujadalah boleh digunakan sebagai aset tambahan terhadap kenapa

perlunya kita berkenalan antara satu sama lain terutama dalam kehidupan kita di dunia ini yang dihuni oleh pelbagai makhluk.

### **Contoh dalam Pendidikan Jasmani & Pendidikan Kesihatan**

Unit 1 di bawah tajuk Kecergasan Fizikal tentang daya tahan kardiovaskular (Abdul Hafidz Omar 2002) – aktiviti ini boleh didedahkan kepada murid dengan diperjelas kepentingan pergerakan badan. Pergerakan ini boleh menyamai perbuatan dalam ibadat seperti solat, melakukan haji dan sebagainya. Kenapa perlu cergas? Agar dapat melakukan ibadat dengan sempurna.

### **Contoh dalam Pendidikan Islam**

Pelajaran 1 di bawah tajuk Mengenali Huruf *Hija'iyyah* (Mariah Mansor 2002) – Tajuk ini dapat diolah dengan mengemukakan kepentingan mengetahui huruf-huruf ini kerana banyak maklumat yang boleh diperoleh hasil daripada kemahiran membaca dan menulis dalam tulisan Arab dan Jawi.

### **Contoh dalam English**

Unit 1 di bawah tajuk: Hello (Zubaidah Awang 2003) – Unit ini mengajar murid untuk berkomunikasi dengan seseorang apabila bertemu dalam bahasa Inggeris seperti ucapan '*hello, good morning, good afternoon, good evening, good night, goodbye*' dan lain-lain. Ungkapan-ungkapan ini amat sesuai diajar kepada murid dengan mengaitkannya dengan konsep salam dan doa yang digalakkan dalam agama apabila bertemu antara satu sama lain.

### **Contoh dalam Matematik**

Unit 1 di bawah tajuk: *Numbers 0 to 10* (Wan Yusof Wan Ngah 2003) – Kandungan pelajaran seperti '*I am Amir; I am 7 years old*', murid-murid boleh didedahkan dengan apa yang perlu dibuat apabila berumur 7 tahun? *Number 1*, membawa kepada penerangan ringkas tentang Tuhan yang satu iaitu Allah. Kandungan '*I have 1 nose, I have 2 eyes, I have 5 fingers on my left hand, I have 5 fingers on my right hand*' boleh dikaitkan dengan kejadian manusia yang amat sempurna dijadikan oleh Tuhan.

### **Contoh dalam Sains**

Unit 1 di bawah tajuk: *Parts of My Body* (Navajothi Murugayyah & Roszitah Mohd Shariff 2003) – '*I have a head, I have a neck, I have a body, I have two arms, I have two legs*', dan dalam tajuk *My Head* dinyatakan "*Look at yourself in the mirror! What do you see?*". Semua ungkapan ini amat sesuai untuk mengajak murid-murid mengenali kejadian diri mereka sebagai makhluk

yang paling sempurna dijadikan oleh Tuhan seperti yang terdapat di dalam firman Allah dalam Surah al-Tin ayat 4 yang bermaksud:

*"Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sempurna".*

Begitu juga dengan tajuk-tajuk lain dalam tahun 1 seperti '*Animals, Plants ,Using Our Sense, Float or Sink dan Light and Dark*'. Semua tajuk ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan kehebatan penciptaan Allah terhadap haiwan, tumbuhan dan kejadian tabii alam ini. Banyak ayat al-Qur'an yang mendedahkan tentang perkara ini yang mempunyai perkaitan secara langsung dengan tajuk yang diajar. Antara contoh ayat tersebut ialah:

Surah al-Mu'min ayat 79 yang menjelaskan kejadian haiwan yang diciptakan oleh Allah untuk kegunaan manusia hidup di dunia ini sesuai dengan tajuk '*Animals*'. Ayat tersebut bermaksud:

*"Allah-lah yang menjadikan haiwan ternak untuk kamu, sebahagiannya untuk kamu tunggangi dan sebahagiannya untuk kamu makan".*

Surah al-An'am, ayat 99 yang menjelaskan kekuasaan Allah menumbuhkan segala jenis tumbuhan sesuai dengan tajuk '*Plants*' . Maksud ayat tersebut:

*"Dan Dialah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Kami tumbuhkan dengan air itu segala macam tumbuh-tumbuhan, maka Kami keluarkan dari tumbuh-tumbuhan itu tanaman yang menghijau, Kami keluarkan dari tanaman yang menghijau itu butir yang banyak; dan dari mayang kurma mengurai tangkai-tangkai yang menjulai, dan kebun-kebun anggur; dan (Kami keluarkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya pada waktu pohnnya berbuah, dan (perhatikan pula) kematangannya. Sesungguhnya pada yang demikian itu ada tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang yang beriman".*

Surah al-Isra' ayat 36 yang menjelaskan penggunaan pancaindera adalah menjadi tanggungjawab manusia untuk menjaganya sesuai dengan tajuk '*Using Our Sense*'. Maksud ayat tersebut:

*"Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya".*

Surah al-Jathiah ayat 12 yang menjelaskan tentang kapal yang terapung di laut atas kekuasaan Allah sesuai dengan tajuk '*Float or Sink*' . Maksud ayat tersebut:

*“Allah-lah yang menundukkan lautan untukmu supaya kapal-kapal terapung serta dapat berlayar padanya dengan seizin-Nya, dan supaya kamu dapat mencari sebahagian kurniaaan-Nya dan mudah-mudahan kamu bersyukur”.*

Surah Al ‘Imran ayat 190 yang menjelaskan pertukaran malam dan siang sesuai dengan tajuk ‘Light and Dark’. Maksud ayat tersebut:

*“Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang yang berakal”.*

Murid-murid boleh diberikan kefahaman tentang perkara-perkara yang dipelajari berasas kepada kesimpulan dan intisari daripada maksud ayat-ayat al-Qur'an atau hadis secara umum.

Contoh lain dalam pengajaran mata pelajaran sains seperti tajuk yang berkaitan dengan kejadian manusia dalam tahun 6. Antara kandungan tajuk ini ialah proses persenyawaan antara benih lelaki dan benih perempuan dalam rahim yang membentuk janin hingga mengalami beberapa tahap pembentukan, seterusnya dilahirkan sebagai seorang manusia yang sempurna apabila tiba masanya. Selain mendedahkan apa yang terdapat dalam sukaan sedia ada, penerapan isi kandungan tajuk ini boleh diperluas dengan beberapa huraian daripada aspek falsafah sains al-Qur'an. Antara bentuk penerapan atau keterangan yang boleh disampaikan kepada murid berkaitan dengan tajuk ini ialah konsep penciptaannya mengikut al-Qur'an dan hadis sebagaimana berikut:

1. Maksud Surah al-Rahman (55:14): *Dia mencipta manusia daripada tanah kering seperti tembikar (solsol kal fakkhar).*
2. Maksud Surah al-Hijr (15:28): *Dan ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat : Aku akan menciptakan seorang manusia daripada tanah kering yang berasal daripada lumpur hitam (solsol min hamain masnun).*
3. Maksud Surah al-Sajdah (32:7): *Yang membuat segala sesuatu yang Dia ciptakan sebaik-baiknya dan Yang memulakan penciptaan manusia daripada tanah (tin).*
4. Maksud Surah al-Saffat (37:11): *Sesungguhnya Kami telah menciptakan mereka daripada tanah liat (tin al-laazib).*
5. Maksud Surah Al ‘Imran (3:59): *Sesungguhnya penciptaan Isa di sisi Allah adalah seperti penciptaan Adam, Allah menciptakan Adam daripada tanah (turab) kemudian Allah berfirman: jadilah, maka jadilah ia.*

Proses kejadian manusia dalam rahim seorang perempuan juga boleh dikemukakan ayat-ayat al-Qur'an dan hadis yang menerangkan kejadian ini sama seperti yang terdapat dalam sukaan yang dipelajari:

Maksud Surah al-Tariq (86:6): *dijadikan manusia itu daripada air yang terpancut.*

Maksud Surah al-Mu'minun (23: 12-14): *Sesungguhnya Kami telah ciptakan manusia dari pati tanah. Kemudian Kami jadikannya air mani yang tersimpan di tempat yang kukuh (rahim). Kemudian mani itu Kami jadikan segumpal darah, dan dari segumpal darah Kami jadikan seketul daging, dan daripada daging Kami jadikan tulang yang Kami salutkannya dengan daging, kemudian Kami ciptakan makhluk lain (manusia yang sempurna). Maha suci Allah sebaik-baik pencipta.*

Maksud Surah al-Hajj (22:5): *Wahai manusia, sekiranya kamu masih ragu-ragu tentang hari kebangkitan, sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu daripada pati tanah, kemudian daripada air mani, kemudian daripada segumpal darah, kemudian daripada seketul daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, supaya Kami nyatakan kuasa Kami. Dan Kami tetapkan dalam rahim sekehendak Kami hingga waktu yang ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu menjadi kanak-kanak sehingga mencapai dewasa. Di antara kamu ada yang dimatikan dan setengah kamu dikembalikan kepada umur yang lanjut sehingga ia tidak mengetahui sesuatu sesudah mengetahuinya.*

Maksud hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim: *Sesungguhnya setiap orang daripada kamu dikumpulkan kejadiannya di dalam rahim ibunya selama 40 hari dalam keadaan air mani, kemudian dijadikan segumpal darah seperti yang demikian selama 40 hari, kemudian dijadikan seketul daging seperti yang demikian itu juga iaitu 40 hari, kemudian diutuskan kepada malaikat lalu ditupukan roh padanya.*

Sebenarnya kejayaan falsafah pendidikan yang begitu tinggi dalam KBSR adalah lebih banyak bergantung pada kreativiti pengajaran guru. Walaupun dalam sukatan pelajaran yang digariskan oleh pihak KPM tidak menyentuh secara langsung tentang isi kandungan yang mempunyai perkaitan dengan falsafah sains al-Qur'an, guru-guru boleh memainkan peranan untuk mengemukakan konsep ini dalam pengajaran mereka. Oleh itu, guru-guru perlu diberikan kefahaman yang jelas tentang konsep ini untuk diterapkan di dalam kelas. Mereka mestilah bersikap jujur, menaruh kepercayaan dan jelas terhadap konsep ini. Guru-guru memerlukan latihan dan bahan rujukan untuk menjalankan tugasannya yang besar ini. Metod dan pendekatan pengajaran memerlukan anjakan paradigma secara besar-besaran kerana guru bukan lagi akan bertindak sebagai seorang pengajar atau penyebar pengetahuan sedia ada

dalam sukatan atau buku teks, malah lebih daripada itu. Guru memerlukan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman sebagai tambahan kepada maklumat yang sedia ada dalam sukatan pelajaran.

## KESIMPULAN

Masyarakat hari ini kian meminggirkan unsur-unsur keagamaan dan kerohanian dalam arus perdana kehidupan dan digantikan dengan unsur-unsur material terutama dalam arus kehidupan globalisasi kini. Hasrat kerajaan untuk mewujudkan satu masyarakat yang berteras kepada masyarakat hadhari adalah satu langkah yang baik dan dialu-alukan. Langkah ini perlu disusuli dengan tindakan yang positif dan berkesan. Salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah dengan cara memartabatkan pemikiran sains al-Qur'an dalam sistem pendidikan negara. Kesedaran dan kesungguhan pelbagai pihak terutama umat Islam bagi merealisasikan konsep ini amat-amat diharapkan khususnya dalam bidang pendidikan formal sekarang. Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia yang perlu menghala ke arah konsep ini agar generasi yang terbentuk kelak merupakan generasi Islam yang membangun daripada kepelbagaiannya aspek keilmuan yang tidak memisahkan semua bentuk ilmu dengan falsafah sains al-Qur'an. Murid-murid peringkat rendah adalah wajar digarap dari sekarang sebagai pemangkin kepada generasi masyarakat hadhari pada masa hadapan. Melalui reformasi perubahan kurikulum ini, mereka akan dibentuk berasas kepada pemikiran falsafah sains al-Qur'an yang akan bangkit membentuk masyarakat Malaysia yang hadhari.

## RUJUKAN

Al-Qur'an dan Terjemahannya.

Abd. Baqi, Muhammad Fu'ad t.th. Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim. Kaherah: Dar wa Matabi' al-Sya'b. Da'wah, Iskandariyah, 1988.

Abdul Hafidz Omar (pnyt.). 2002. *Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2005. *Konsep Islam Hadhari: Satu Penjelasan*. Kuala Lumpur: JAKIM.

Kamaruddin Hussin. 1991. *KBSR dan Model Eksplorasi Bahan-Bahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

Mariah Mansor (pnyt.). 2002. *Pendidikan Islam Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Navajothi Murugayah & Roszitah Mohd Shariff. 2003. *Science Year 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Wan Yusof Wan Ngah (pnyt.). 2002. *Mathematics Year 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Zainal Arifin Yusof (pnyt.). 2003. *Bahasa Melayu Tahun 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Zubaidah Awang (pnyt.). 2003. *English Year 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

